

'Hadi mengigau kata Kerajaan Perpaduan akan tumbang'

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim melabelkan Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang sebagai 'mengigau' susulan kenyataan dikeluarkannya mendakwa kononnya Kerajaan Perpaduan akan tumbang.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan terpulang kepada Presiden PAS yang juga Timbalan Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu untuk membuat perancangan sedemikian.

"Tak apalah...itu hak dia (Abdul Hadi) untuk merancang dan mengigau," katanya ringkas ketika ditemui media selepas se-

lesai menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Qaryah Serdang di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini semalam.

Beliau ditanya berkenaan kenyataan Abdul Hadi ketika membahaskan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2023 di Parlimen Selasa lalu, yang mengingatkan pemimpin kerajaan sedia ada supaya tidak menyalahkan pembangkang sekiranya pentadbiran hari ini jatuh sekali lagi.

Abdul Hadi dilaporkan berkata, jika ia berlaku, pemimpin dan penyokong Pakatan Harapan (PH) tidak boleh mengata-

kan ia 'tebuk atap', sebaliknya ia berlaku akibat 'atap bocor'.

"Kalau jatuh lagi, jangan salahkan kami. Bukan 'tebuk atap', tetapi 'atapnya bocor', 'pintunya terbuka' dan 'dindingnya pecah'," katanya

Untuk rekod, Kerajaan Perpaduan yang terbentuk kini memiliki sokongan majoriti dua pertiga atau 148 kerusi di Dewan Rakyat.

Ia menggabungkan PH, Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Parti Warisan (WARISAN) serta MUDA.